



# **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (KENDEREAAN BURUK SITAAN) BIL. 2/2023**

## **PADA HARI AHAD, 16 APRIL 2023**

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Pembida **wajib memiliki lesen menjual barang lusuh dan terpakai di bawah Akta Peniaga Sekehend 1946 (Akta 189)**
3. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.
4. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT** sepenuhnya pada hari lelongan.
5. Kenderaan buruk yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
6. Urusan pengangkutan kenderaan buruk adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.
7. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran pada hari yang sama. (Sehingga jam 3.30 petang).
8. Barang-barang yang telah dibida dan dibayar hendaklah **dileraikan dan dipotong dengan menggunakan jentera, kelengkapan, dan peralatan sendiri di dalam kawasan tapak simpanan** sebelum dibawa keluar dari tempat tersebut. **Bekalan kuasa elektrik tidak disediakan.**
9. Pembida juga **dilarang membuat urusan jual beli** di tapak simpanan.
10. Pembida diberi tempoh **lima (5) hari (16 hingga 20 April 2023)** untuk membawa keluar, menuntut, mengambil barang-barang tersebut selepas bayaran dibuat.
11. Kegagalan menuntut/mengambil kenderaan-kenderaan selepas tempoh yang ditetapkan tamat akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
12. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** rugi di atas kerosakan dan/atau kehilangan kenderaan-kenderaan semasa atau selepas lelongan.
13. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan kenderaan-kenderaan yang dilelong.
14. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi kenderaan-kenderaan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.

15. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko kerugian dan/atau liabiliti daripada kenderaan buruk yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
16. Kenderaan buruk yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
17. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD**.